



27 Januari 2016  
27 January 2016  
P.U. (A) 13

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERIKATAN RANGKUMAN KEWANGAN (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2016

#### *ALLIANCE FOR FINANCIAL INCLUSION (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN PERIKATAN RANGKUMAN KEWANGAN  
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1) dan seksyen 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [*Akta 485*], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikatan Rangkuman Kewangan (Keistimewaan dan Kekebalan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 27 Januari 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“AFI” ertinya Perikatan Rangkuman Kewangan yang ditubuhkan di bawah Perkara 1 Artikel Persatuan AFI;

“Lembaga” ertinya Lembaga AFI yang ditubuhkan di bawah Perkara 7 Artikel Persatuan AFI;

“pegawai” ertinya pegawai AFI, selain Pengarah Eksekutif, yang hak dan tanggungjawabnya dikawal selia oleh kontrak pekerjaan dengan AFI, tetapi tidak termasuk pegawai tempatan dan ditugaskan mengikut kadar jam;

“Pengarah Eksekutif” ertinya ketua pejabat AFI di Kuala Lumpur, Malaysia.

### **Pengisytiharan AFI menjadi organisasi antarabangsa**

3. AFI diisytiharkan menjadi suatu organisasi antarabangsa yang baginya seksyen 4 Akta terpakai.

### **Keperibadian juridikal**

4. AFI hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan undang-undang yang perlu bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya.

### **Keistimewaan dan kekebalan AFI**

5. AFI hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

### **Keistimewaan dan kekebalan Pengarah Eksekutif**

6. (1) Seseorang yang menjadi, atau sedang melaksanakan kewajipan sebagai, Pengarah Eksekutif hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua kepada Akta.

(2) Seseorang yang tidak lagi menjadi, atau melaksanakan kewajipan sebagai, Pengarah Eksekutif hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua kepada Akta.

### **Keistimewaan dan kekebalan pegawai**

7. (1) Seseorang pegawai hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat kepada Akta.

(2) Seseorang yang tidak lagi menjadi pegawai hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Keempat kepada Akta.

### **Keistimewaan dan kekebalan orang yang ditauliahkan kepada, atau yang menghadiri persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, AFI**

8. (1) Seseorang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di sesuatu persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, AFI sebagai wakil—

- (a) suatu negara selain Malaysia;
- (b) suatu organisasi antarabangsa yang lain; atau
- (c) suatu organisasi seberang laut,

hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga kepada Akta.

(2) Seseorang yang tidak lagi ditauliahkan kepada, atau yang telah hadir di persidangan sedemikian yang diadakan oleh, AFI sebagai wakil yang disebut dalam perenggan (1)(a), (b) atau (c), hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Ketiga kepada Akta.

**Keistimewaan dan kekebalan orang yang sedang berkhidmat dalam jawatankuasa, yang sedang mengambil bahagian dalam kerja, atau yang sedang melaksanakan misi bagi pihak, AFI**

9. (1) Seseorang yang sedang berkhidmat dalam sesuatu jawatankuasa, atau yang sedang mengambil bahagian dalam kerja, AFI atau yang sedang melaksanakan suatu misi bagi pihak AFI hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelima kepada Akta.

(2) Seseorang yang telah berkhidmat dalam suatu jawatankuasa, atau telah mengambil bahagian dalam kerja, AFI atau telah melaksanakan misi bagi pihak AFI hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kelima kepada Akta.

**Penepian**

10. (1) Lembaga hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada AFI dan Pengarah Eksekutif jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

(2) Pengarah Eksekutif hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada—

- (a) seseorang pegawai; atau
- (b) seseorang yang sedang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau yang sedang mengambil bahagian dalam kerja, AFI atau yang sedang menjalankan misi bagi pihak AFI,

jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

(3) Suatu negara selain Malaysia, atau ketua suatu organisasi antarabangsa yang lain atau suatu organisasi seberang laut hendaklah mempunyai hak dan tanggungjawab untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada seseorang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, AFI sebagai wakil—

- (a) negara itu;
- (b) organisasi antarabangsa itu; atau
- (c) organisasi seberang laut itu,

jika, pada pendapat negara atau ketua itu, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

Dibuat 27 Januari 2016  
[KK/BA(S)911/706/20; PN(PU2)507/IV]

DATO' SRI ANIFAH HJ. AMAN  
*Menteri Luar Negeri*

Bersetuju,  
Pada tarikh 27 Januari 2016

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) ACT 1992

ALLIANCE FOR FINANCIAL INCLUSION  
(PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by subsections 3(1) and 4(1) and section 11 of the International Organizations (Privileges and Immunities) Act 1992 [*Act 485*], the Minister, with the concurrence of the Minister of Finance, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Alliance for Financial Inclusion (Privileges and Immunities) Regulations 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 27 January 2016.

**Interpretation**

2. In these Regulations—

“AFI” means the Alliance for Financial Inclusion established under Article 1 of the Articles of Association of AFI;

“Board” means the AFI Board established under Article 7 of the Articles of Association of AFI;

“official” means an official of AFI, other than the Executive Director, whose rights and obligations are regulated by a contract of employment with AFI, but does not include an official who is recruited locally and assigned to an hourly rate;

“Executive Director” means the head of office of AFI in Kuala Lumpur, Malaysia.

**Declaration of AFI to be an international organization**

3. AFI is declared to be an international organization to which section 4 of the Act applies.

**Juridical personality**

4. AFI shall have juridical personality and such legal capacities as are necessary for the exercise of its powers and the performance of its functions.

**Privileges and immunities of AFI**

5. AFI shall have all or any of the privileges and immunities specified in the First Schedule to the Act.

**Privileges and immunities of Executive Director**

6. (1) A person who is, or is performing the duties of, the Executive Director shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Second Schedule to the Act.

(2) A person who has ceased to be, or perform the duties of, the Executive Director shall have the immunities specified in Part II of the Second Schedule to the Act.

**Privileges and immunities of official**

7. (1) An official shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Fourth Schedule to the Act.

(2) A person who has ceased to be an official shall have the immunities specified in Part II of the Fourth Schedule to the Act.

**Privileges and immunities of persons accredited to, or attending an international conference convened by, AFI**

8. (1) A person who is accredited to, or is in attendance at an international conference convened by, AFI as a representative of—

- (a) a country other than Malaysia;
- (b) another international organization; or
- (c) an overseas organization,

shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Third Schedule to the Act.

(2) A person who has ceased to be accredited to, or has attended such a conference convened by, AFI as such a representative referred to in paragraph (1)(a), (b) or (c), shall have the immunities specified in Part II of the Third Schedule to the Act.

**Privileges and immunities of person serving on committee, participating in the work of, or performing mission on behalf of, AFI**

9. (1) A person who is serving on a committee, or is participating in the work, of AFI or is performing a mission on behalf of AFI shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Fifth Schedule to the Act.

(2) A person who has served on a committee, or participated in the work, of AFI or has performed a mission on behalf of AFI shall have the immunities specified in Part II of the Fifth Schedule to the Act.

**Waiver**

10. (1) The Board shall have the right and duty to waive the immunities conferred on AFI and the Executive Director where, in its opinion, the immunities would impede the course of justice and can be waived without prejudicing the purposes for which they were conferred.

(2) The Executive Director shall have the right and duty to waive the immunities conferred on—

- (a) an official; or
- (b) a person who is serving on a committee, or is participating in the work, of AFI or is performing a mission on behalf of AFI,

where, in his opinion, the immunities would impede the course of justice and can be waived without prejudicing the purposes for which they were conferred.

(3) A country other than Malaysia, or the head of another international organization or an overseas organization shall have the right and duty to waive the immunities conferred on a person who is accredited to, or is in attendance at an international conference convened by, AFI as a representative of—

- (a) the country;
- (b) the international organization; or
- (c) the overseas organization,

where, in the opinion of such country or such head, the immunities would impede the course of justice and can be waived without prejudicing the purposes for which they were conferred.

Made 27 January 2016  
[KK/BA(S)911/706/20; PN(PU2)507/IV]

DATO' SRI ANIFAH HJ. AMAN  
*Minister of Foreign Affairs*

I concur,  
Dated 27 January 2016

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*